

# Tasik Taman Aman dipilih perintis rawatan EM

**P**ETALING JAYA: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memilih Tasik Taman Aman di sini, sebagai tapak projek perintis menggunakan rawatan biologi mikro organisma efektif (EM) untuk mengurangkan bau busuk akibat mendapan sisa kotoran.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kampung Tun-ku, Datuk Dr Wong Sai Hou, berkata rawatan itu menggunakan bakteria yang dihasilkan dalam dua kaedah, bebola tanah dan cecair bu-kan saja menjimatkan malah

*Metro 20/12/06*  
lebih semula jadi berbanding penggunaan bahan kimia.

Katanya, kesan rawatan dengan kaedah itu mungkin tidak dapat dilihat serta-merta, tetapi mikro organisma terbabit mampu mengurai-kan mendapan semula jadi secara berperingkat.

"Kira-kira 2,000 bebola tanah daripada mikro organisma EM serta larutan cecair bahan yang sama digunakan bagi menguraikan sisa kotoran di dasar tasik berkenaan.

"Sejumlah RM200,000 diperuntukkan bagi merawat



FOTO | Yahya Zain

**TELITI**  
...Sawada (kiri) menerangkan kaedah rawatan air kepada Dr Wong dan Azmi (dua dari kanan).

kualiti air di tasik berkenaan bermula 24 November lalu dengan menggunakan kaedah itu," katanya ketika ditemui pada majlis peningkatan mutu kualiti air tasik

berkenaan, semalam.

Turut hadir, Perunding Teknologi EM, Sawada Tetsuya dan Jurutera JPS Petaling Jaya, Azmi Ibrahim.

Masalah pencemaran itu

dikenal pasti sejak 10 tahun lalu berpunca dari kawasan setinggan berhampiran yang mengalirkan sisa buangan dan kumbahan ke tasik berkenaan.